
MODUL PdP
#LEARNING@HOME
BAHASA MELAYU SJK TAHUN 6
TAHUN 2020

TEMA 4 : KESELAMATAN DIUTAMAKAN
EDISI : MURID

Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



TEMA 4: KESELAMATAN DIUTAMAKAN

TAJUK: BERWASPADA DI KAWASAN REHAT DAN RAWAT

KEMAHIRAN MENULIS (SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI)

3.6.1: Menulis untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan secara kohesi dan koheran.

Lihat gambar yang diberikan. Cari maklumat yang berkaitan. Kemudian, isikan tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai bagi melengkapkan karangan di bawah. Salin semula karangan tersebut di dalam buku latihan kamu.

Berwaspada di Kawasan Rehat dan Rawat

Saya dan kawan-kawan
turun dari bas .



Seterusnya, kami berjalan .



Selepas itu, .



Akhirnya, .



berseorangan	tandas	medan selera	makan	mengiringi	berbaris
mengawasi	murid	menaiki	mengira	sebelum	berkumpul

Saya dan kawan-kawan telah menyertai lawatan ke Kuala Lumpur. Semasa dalam perjalanan, bas berhenti di Kawasan Rehat dan Rawat. Kami mengambil kesempatan untuk berehat. Saya dan kawan-kawan turun dari bas sekolah. Kami berbaris. Cikgu Kamal mengawasi kami. Cikgu Tan (1)_____ jumlah murid.

Seterusnya, kami berjalan menuju ke (2)_____. Cikgu Kamal dan Cikgu Tan (3)_____ kami. Kami tidak dibiarkan berjalan (4)_____.

Selepas itu, kami menuju ke tempat makan. Kami (5)_____ secara berkumpulan untuk memudahkan kami (6)_____ semula selepas makan.

Akhirnya, setelah semua (7)_____ selesai makan, kami pun (8)_____ semula. Kami beratur ketika (9)_____ bas untuk meneruskan destinasi kami. Cikgu Kamal memastikan bilangan murid cukup (10)_____ memulakan perjalanan.

ASPEK TATABAHASA (KATA TUGAS)

5.1.7.: Memahami dan menggunakan pelbagai kata tugas mengikut konteks dengan betul.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian garisi perkataan yang betul bagi melengkapkan cerita di bawah.

(Dari / Pada) pukul 7.00 pagi, bas telah sampai di sekolah. Bas itu (ialah / adalah) bas persiaran. Pemandu bas itu memastikan bas dalam keadaan yang baik.

Seterusnya, kami bertolak (dari / daripada) sekolah menuju (ke / kepada) Kuala Lumpur.

Pemandu bas memandu bas dengan (gopoh / cekap). Dia juga (cuai / cermat) memandu.

“(Eh / Wah), besar dan uniknya Muzium Negara!” kata Wei Kit.

“(Ya / Bukan) inilah Muzium Negara,” Jawab Xiao Tong

“(Sila / Jangan) sentuh artifak yang dipamerkan,” pesan Cikgu Kamal.

“Bahan bersejarah yang dipamerkan di sini (agak / amat) berharga dan tidak ternilai.

“Itu (lah / kah) keris taming sari,” kata Cikgu Kamal.

“(Aduh / Amboi), cantiknya keris taming sari ini!” Kata Afiena.